

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 17.10.2016

SOALAN :

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian akan membina sekolah menengah di Kota Warisan, Sepang di tapaknya yang ada sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan terutamanya di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Sehubungan itu, KPM telah pun membuat perancangan pembinaan sebuah sekolah menengah baharu di kawasan Taman Kota Warisan, Sepang dan telah dimasukkan dalam RMKe-11. Pada mulanya projek ini dicadang disenaraikan di dalam Rolling Plan 1 namun begitu tidak dapat diteruskan disebabkan proses pemberimilikan tapak daripada pihak pemaju kepada Kerajaan negeri masih belum selesai. Walau bagaimanapun, KPM akan mengemukakan permohonan pembinaan sekolah menengah di Taman Kota Warisan kepada pihak agensi pusat sebaik sahaja proses pemberimilikan tapak tersebut selesai.